

## **JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), kesemua kes melibatkan anggota Imigresen yang didakwa di mahkamah atas salah laku adalah direkodkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Mei 2015, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah merekodkan sejumlah 60 kes melibatkan pelbagai kesalahan oleh anggota Imigresen termasuk salah laku dan rasuah.**

**Bagi menjawab soalan (b), statistik kes salah laku yang melibatkan Pegawai Polis bagi tahun 2013 sehingga April 2016 termasuk yang didakwa di Mahkamah adalah sejumlah 1391 kes pada tahun 2013, 1704 kes bagi tahun 2014, 1688 kes bagi tahun 2015, dan 401 kes untuk tempoh bulan Januari hingga April 2016. Pecahan kes-kes ini melibatkan kes jenayah, dadah, rasuah dan lain-lain dalam kalangan Pegawai Polis dan Anggota Pangkat Rendah.**